

PETUNJUK EKONOMI SEMASA

7-13 Mei 2018

Data	Tempoh Data	Tempoh Semasa	Tempoh Sebelum	Ulasan
Indeks Pengeluaran Perindustrian (Berbanding bulan yang sama tahun lepas, %)	Mac '18	3.1	3.0	Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat sebanyak 3.1% pada bulan Mac 2018 berbanding dengan pertumbuhan 3.0% yang dicatatkan pada bulan Februari 2018. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan positif dalam indeks Pembuatan (4.1%) dan indeks Elektrik (4.4%). Manakala, indeks Perlombongan mencatatkan pertumbuhan sifar. IPP pada bulan Februari 2018 kekal sebanyak 3.0% tahun ke tahun.
				Berasaskan tahun ke tahun, output sektor Pembuatan meningkat sebanyak 4.4% pada bulan Mac 2018 (Februari 2018 : 4.7%), disokong oleh sub-sektor Produk Peralatan Elektrik dan Elektronik (5.8%); Produk Makanan, Minuman dan Tembakau (6.0%); dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Produk Logam yang Direka (4.5%). Output sektor Perlombongan pula mencatatkan pertumbuhan sifar (Februari 2018: -1.6%) berikutan peningkatan dalam indeks Minyak Mentah (1.1%) yang mengimbangi penurunan dalam indeks Gas Asli (-0.9%). Output sektor Elektrik juga meningkat sebanyak 4.4% (Februari 2018: 2.8%).
Perangkaan Pembuatan Bulanan (Berbanding bulan yang sama tahun lepas, %)	Mac '18	Nilai Jualan 3.9	Nilai Jualan 4.9	Nilai jualan pada Mac 2018 mencatatkan peningkatan sebanyak 3.9% (RM2.6 bilion) kepada RM68.5 bilion berbanding RM65.9 bilion yang dilaporkan tahun sebelumnya. Manakala bulan ke bulan, nilai jualan telah meningkat sebanyak 9.8% (RM6.1 bilion) berbanding bulan sebelumnya. Nilai jualan pada bulan Februari 2018 adalah sebanyak RM62.3 bilion.
		Pekerja 2.1	Pekerja 2.2	Jumlah pekerja pada bulan Mac 2018 adalah seramai 1,068,116 orang, meningkat sebanyak 2.1% (22,076 orang) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Berdasarkan bulan ke bulan pula, bilangan pekerja meningkat sebanyak 0.2% (2,267 orang).
		Gaji & Upah 11.9	Gaji & Upah 16.7	Jumlah gaji & upah yang dibayar pada bulan Mac 2018 telah meningkat sebanyak 11.9% (RM410.9 juta) kepada RM3,863.4 juta berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Berdasarkan bulan ke bulan, nilai gaji & upah yang dibayar turut meningkat sebanyak 2.8% (RM104.6 juta).

DATA RELEASES FOR THE WEEK
7-13 May 2018

Data	Data Period	Actual	Previous	Comments
Industrial Production Index (IPI) (Y-o-Y, %)	Mar '18	3.1	3.0	The Industrial Production Index (IPI) rose 3.1% in March 2018 as compared with 3.0% in February 2018. The rise was supported by positive growth in Manufacturing index (4.1%) and Electricity index (4.4%). However, the Mining index recorded zero growth. The IPI in February 2018 remained unchanged at 3.0% year-on-year.
Monthly Manufacturing Statistics (MMS) (Y-o-Y, %)	Mar '18			
Sales Value		Sales Value		The sales value of the Manufacturing sector in March 2018 rose by 3.9% (RM2.6 billion) to record RM68.5 billion as compared to RM65.9 billion reported a year ago. Meanwhile, month-on-month basis, the sales value rose by 9.8% (RM6.1 billion) compared with the preceding month. The sales value in February 2018 was RM62.3 billion.
Employees		Employees		Total employees engaged in the Manufacturing sector in March 2018 was 1,068,116 persons, an increase of 2.1% (22,076 persons) as compared with the corresponding month of the previous year. Meanwhile, month-on-month basis, the number of employees rose by 0.2% (2,267 persons).
Salaries & Wages		Salaries & Wages		Salaries & wages paid in March 2018 increased by 11.9% (RM410.9 million) to record RM3,863.4 million as compared with the corresponding month of the previous year. Month-on-month basis, the total amount paid in March 2018, rose by 2.8% (RM104.6 million).